

Mercedes B-Class untuk Kejohanan Golf Amal USIM

KUALA LUMPUR - Sebuah kereta Mercedes Benz B-Class bernilai lebih RM200,000 bakal menanti peserta Kejohanan Golf Amal Piala Tuanku Najihah di Nilai Golf Spring, Sabtu ini.

Kereta mewah tersebut ditawarkan untuk hadiah pukulan selubang bagi kejohanan anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Selain kereta tersebut pelbagai hadiah lain bernilai kira-kira RM12,000 berupa barangan elektrik dan perkakasan rumah turut disediakan untuk para pemenang.

Menurut Setiausaha Jawatankuasa Penganjur yang juga Pegawai Sukan USIM, Nur Ekmal Buhary, penyertaan masih lagi dibuka kepada peminat-peminat golf yang berminat.

Katanya, setakat ini pihak penganjur telah menerima penyertaan daripada kira-kira 130 peserta yang terdiri daripada korporat dan individu.

Kejohanan itu katanya, bertujuan untuk mengisi Tabung Kebajikan dan Ehsan pelajar USIM.

Mereka yang berminat untuk menyertai kejohanan ini boleh menghubungi Nur Ekmal di talian 06-7988351/8359 atau 012-6677628 dan Muhammad Haizuan Rozali (019-2781557)